



**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN**  
FACULTY OF EDUCATIONAL STUDIES

Rujukan : UPM.FPP.600-4/30/2 (FCE3804)  
Tarikh : 16 April 2024

Pengetua,  
Sekolah yang berkenaan.

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENEMPATAN DI SEKOLAH BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS FCE3804, PENGALAMAN AWAL DI SEKOLAH (PALS)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia perlu memenuhi keperluan Kursus FCE3804, Pengalaman Awal di Sekolah bagi tempoh selama dua (2) minggu di sekolah tuan/puan. Kursus ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar sebagai bakal guru pelatih bagi memahami suasana pembelajaran sebenar di alam persekolahan sebelum menjalani Latihan Mengajar pada semester akhir pengajian.

3. Pelajar ini dikehendaki mengikuti kursus ini sebagai syarat membolehkan mereka memahami kerjaya guru dan budaya sekolah. Kursus ini juga diharap dapat memupuk budaya pemikiran kreatif dan kritis serta reflektif bakal guru pelatih terhadap iklim sekolah dan pelajar akan dinilai berdasarkan laporan kualiti refleksi sepanjang tempoh tersebut.

4. Bersama-sama ini dilampirkan borang persetujuan (Lampiran 1) oleh pihak sekolah untuk dilengkapkan dan dikembalikan kepada pihak kami bagi urusan selanjutnya. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang kemusykilan hubungi kami ditalian 03-97698272 / 019-2274924 / 017-3981217 atau emel kepada [halimah.jamil@upm.edu.my](mailto:halimah.jamil@upm.edu.my) atau [shammizah@upm.edu.my](mailto:shammizah@upm.edu.my).

5. Akhir kata pihak kami sangat berharap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh pihak tuan/puan. Kerjasama dan sokongan tuan/puan sangat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**DR. NOR AZNI ABDUL AZIZ**  
Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni)

**BORANG PERSETUJUAN SEKOLAH**

*(Mohon lengkapkan dan kembalikan kepada Urus Setia FCE3804)*

Unit PALS  
Pejabat Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni)  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor  
Telefon: 03-97698272  
Emel: [shammizah@upm.edu.my](mailto:shammizah@upm.edu.my)

Tuan,

**PENEMPATAN SEKOLAH UNTUK PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
MENJALANI KURSUS FCE3804 PENGALAMAN AWAL DI SEKOLAH (PALS)**  
• **BORANG PERSETUJUAN SEKOLAH**

---

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah \***bersetuju / tidak bersetuju** menerima pelajar untuk ditempatkan di sekolah selama dua (2) minggu bagi memenuhi keperluan kursus FCE3804. Pelajar tersebut adalah seperti berikut:

Nama pelajar	:	
No. Matrik	:	
Program Pengajian	:	
Tarikh penempatan (2 minggu)	:	

**(Sila nyatakan tarikh penempatan pelajar untuk 2 minggu berturutan dalam jangkamasa di bawah)**

**\* 4 Ogos – 22 Ogos 2024 (Terengganu, Kelantan, Kedah & Johor)  
5 Ogos – 23 Ogos 2024 (Negeri lain)**

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengetua)

Nama Pengetua : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Emel : \_\_\_\_\_

Cop rasmi Pengetua : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop sekolah : \_\_\_\_\_